



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM 2153
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk arahan terperinci di dalam kertas soalan ni
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurusan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurusan bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

- a. Encik Badrul merupakan seorang pekerja di Syarikat Andarsi Sdn. Bhd. telah mengalami kemurungan di tempat kerja. Beliau tidak dapat memberi sepenuh perhatian terhadap kerjanya disebabkan oleh bebanan kerja yang terlalu banyak. Oleh hal yang demikian, sesi kaunseling telah disediakan untuk Encik Badrul agar dapat mengurangkan tekanan beliau di tempat kerja. Pada pandangan anda, mengapakah program latihan dan pembangunan pekerja perlu dilaksanakan oleh syarikat itu?

(8 markah)

- b. Keberkesanan program latihan dapat dicapai apabila objektif latihan tercapai. Terangkan **dua (2)** manfaat latihan dan pembangunan kepada organisasi.

(4 markah)

SOALAN 2

- a. Berdasarkan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan tenaga kerja yang kompeten. Bagaimanakah PSMB memperkasakan Pembangunan Modal Insan melalui Rancangan Malaysia ke-11?

(8 markah)

- b. Ahmad merupakan seorang jurulatih yang berjaya kerana beliau dapat memahami pembelajaran tentang orang dewasa. Pada pandangan anda, apakah kecekapkn yang diperlukan oleh Ahmad untuk menjadi seorang jurulatih?

(10 markah)

SOALAN 3

Lailah merupakan seorang Pegawai Sumber Manusia yang dipertanggungjawabkan untuk membuat kutipan data mengenai sesuatu kerja secara individu ataupun berkumpulan. Berdasarkan pengetahuan anda, kompenan analisis yang manakah paling sesuai untuk membantu Lailah membuat kutipan data secara sistematik?

(10 markah)

SOALAN 4

Syarikat Deori Sdn. Bhd. telah menyediakan latihan kepada pekerja untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan pekerja dalam melaksanakan pekerjaan secara efektif. Pelbagai teknik latihan yang telah digunakan oleh jurulatih untuk melatih pekerja agar memahami konsep latihan yang disediakan oleh syarikat. Berdasarkan situasi di atas, apakah kepelbagaian teknik latihan yang telah diaplikasikan oleh jurulatih tersebut?

(10 markah)

SOALAN 5

Syarikat Primadona Sdn. Bhd. telah bercadang untuk melaksanakan kursus kepada staf di Jabatan Pemasaran. Sebagai Pegawai Sumber Manusia, anda diminta untuk menyediakan satu tentatif program bagi Kursus Pencegahan Rasuah dalam kalangan profesional yang bakal dijalankan selama **satu (1)** hari iaitu pada 25 Februari 2021 di Heritage Resort, Melaka. Program ini akan dijalankan dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 6.00 petang. Sediakan tentatif kursus tersebut.

(10 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Encik Ahmad merupakan seorang Pengurus Sumber Manusia di Syarikat Beryl's Sdn. Bhd. Beliau telah ditugaskan untuk membuat pengurusan program latihan selama dua hari di sebuah hotel. Oleh hal yang demikian, beliau perlu membuat persediaan rapi untuk mengelakkan daripada sebarang masalah yang berlaku di sepanjang program latihan tersebut.

- a. Jelaskan **tiga (3)** persediaan sebelum kursus yang perlu dilaksanakan oleh Encik Ahmad.

(10 markah)

- b. Pada pandangan anda, apakah pengurusan dan pembangunan kerjaya yang boleh dicadangkan untuk Syarikat Beryl's Sdn. Bhd.?

(10 markah)

SOALAN 2

Puan Fatimah merupakan seorang pereka fesyen di Syarikat Beauty Blouse Sdn. Bhd. Beliau telah diarahkan untuk menghadiri program latihan bagi meningkatkan kemahiran mempelbagaikan reka bentuk pakaian. Pihak penganjur telah menyediakan sebuah bilik khas, peralatan jahit dan juga mesin yang berteknologi tinggi untuk para pesertanya. Selepas menjalani kursus tersebut, Puan Fatimah telah menunjukkan perubahan prestasi kerja yang lebih baik, iaitu beliau dapat menghasilkan pelbagai reka bentuk pakaian moden kepada pelanggannya.

a. Apakah yang telah dilakukan oleh Puan Fatimah untuk mempertingkatkan pemindahan latihan di tempat kerja?

(10 markah)

b. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah persekitaran kerja boleh mempengaruhi proses pembelajaran melalui pemindahan latihan di tempat kerja?

(10 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT